



27 Ogos 2021  
27 August 2021  
P.U. (A) 347

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA) 2021

*CUSTOMS (PROVISIONAL ANTI-DUMPING DUTIES)  
ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967**

**PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2021.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 29 Ogos 2021 hingga 26 Disember 2021.

**Duti anti-lambakan sementara**

2. Duti anti-lambakan sementara hendaklah dilevi ke atas dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (3) ke dalam Malaysia oleh pengeluar atau pengeksport yang dinyatakan dalam ruang (4) pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5).

**Cagaran**

3. Duti anti-lambakan sementara yang dilevi di bawah Perintah ini hendaklah dijamin oleh suatu cagaran yang sama amanannya dengan amaun duti yang dilevi.

**Penjenisan barang-barang**

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun Tafsiran Am Sistem Berharmonis di bawah Konvensyen Antarabangsa Sistem Deskripsi Komoditi Harmonis dan Pengkodan dalam Perintah Duti Kastam 2017 [P.U. (A) 5/2017].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual diperuntukkan bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat ke atas penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2).

**Kesan ke atas duti import dan cukai jualan**

5. Pengenaan duti anti-lambakan sementara di bawah Perintah ini tidaklah menjelaskan pengenaan dan pemungutan—

(a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan

(b) cukai jualan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*].

**JADUAL**

[Perenggan 2]

**DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA**

(1) Nombor Kepala/ Subkepala mengikut Kod H.S. [Kod AHTN]	(2) Perihalan Barang-Barang	(3) Negara	(4) Pengeluar/Pengeksport	(5) Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]
7312.10.91 00	Dawai keluli berlembar bagi konkrit prategasan	Republik Rakyat China	i. Silvery Dragon Prestressed Materials Co., Ltd Tianjin  ii. Tianjin Dalu Steel Strand For Prestressed Co., Ltd.  iii. Lain-lain	4.46%  9.41%  21.72%